



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

**AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994
P.U. (A) 303/1999
PERINTAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(LARANGAN PENGGUNAAN BAHAN) 1999**

Tarikh penyiaran:

29 Julai 1999

Tarikh mula berkuatkuasa:

2 Ogos 1999

SUSUNAN PERINTAH

Mukadimah

Perintah 1. Nama dan permulaan kuat kuasa.

Perintah 2. Larangan penggunaan bahan.

JADUAL

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514], Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan membuat perintah yang berikut:

1. Nama dan permulaan kuat kuasa.

(1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Larangan Penggunaan Bahan) 1999**.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 2 Ogos 1999.

2. Larangan penggunaan bahan.

Bahan-bahan yang disenaraikan dalam ruang (1) Jadual hendaklah dilarang penggunaannya setakat yang dinyatakan dalam ruang (2).

JADUAL LARANGAN PENGGUNAAN BAHAN

<i>Butiran No.</i>	<i>(1) Perihalan bahan</i>	<i>(2) Takat yang baginya penggunaan bahan adalah dilarang</i>
1.	4-Aminodifenil; Benzidina; 2-Naftilamina; 4-Nitrodifenil; Garam bahan-bahan itu; dan apa-apa bahan yang mengandungi apa-apa sebatian bahan-bahan itu dalam apa-apa bahan lain pada kepekatan keseluruhan melebihi 0.1 peratus	Pengilangan dan penggunaan bagi semua tujuan termasuk apa-apa proses pengilangan yang dalamnya sesuatu bahan yang diperihalkan dalam ruang (1) terbentuk, kecuali bagi tujuan penyelidikan atau analisis
2.	Krosidolit	Semua tujuan kecuali tujuan penyelidikan atau analisis
3.	Benzena; Karbon disulfida; Karbon tetraklorida dan n-Heksana	Pembersihan dan penyahgrisan
4.	Fosforus putih	Penggunaan dalam pengilangan mancis

Dibuat 12 Julai 1999.
[KSM. PUU (6) Jld. 2; PN(PU²)541/IV]

IR HAJI ABU BAKAR CHE MAN
*Ketua Pengarah
Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan*